



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	8/4/2009

## Pakistan ucap tahniah kepada PM

**K**UALA LUMPUR: Presiden dan Perdana Menteri Pakistan mengucapkan tahniah kepada Datuk Seri Najib Razak yang dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia yang baru.

Presiden Asif Ali Zardari berkata, kecemerlangan perkhidmatan Najib selama ini sememangnya layak mendapat sokongan rakyat Malaysia terhadap kepemimpinannya.

Dalam satu kenyataan, beliau yakin bahawa di bawah kepimpinan Najib, hubungan persahabatan antara Pakistan dan Malaysia akan terus berkembang.

Perdana Menteri, Syed Yousaf Raza Gillani, yakin hubungan kedua-dua negara akan bertambah kukuh di bawah pimpinan Najib.

"Di bawah kepimpinan anda, saya yakin hubungan persahabatan baik antara kedua-dua negara ini akan berterusan di masa depan," katanya. - Bernama